

UCAPAN ALU-ALUAN
YB TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN MALAYSIA
SEMPENA PERASMIAN SKIM PERLINDUNGAN NASIONAL B40
atau SKIM MYSALAM

24 JANUARI 2019 (KHAMIS)
DEWAN UTAMA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PUTRAJAYA

Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Malaysia

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad
Menteri Kesihatan

Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah
Timbalan Menteri Kewangan

Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Pengurusan Tertinggi Great Eastern Life Holdings Limited dan Great
Eastern Takaful Berhad

Hadirin yang saya hormati sekalian

1. Salam Sejahtera, Salam Harapan dan Salam Sayangi Malaysiaku. Hari ini, saya sangat gembira dan ingin merakamkan penghargaan saya kepada YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana sudi melancarkan Skim Perlindungan Nasional B40 atau Skim mySalam pada pagi yang mulia ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada para hadirin yang menyaksikan inisiatif Kerajaan ini yang dijalankan buat kali pertama dalam sejarah Malaysia. Tahniah juga kepada Encik Khor Hock Seng, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Great Eastern Life Holdings Limited, Encik Shahrul Azlan Shahrman, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad dan Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan.

2. Dalam Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan pada 2 November yang lalu, Kerajaan Pakatan Harapan telah banyak memberikan tumpuan terhadap memperkenalkan inisiatif-inisiatif untuk meringankan beban golongan B40. Skim mySalam ini merupakan satu inisiatif utama Kerajaan yang menunjukkan komitmen untuk membantu isi rumah golongan berpendapatan rendah atau B40 dengan memberikan perlindungan perubatan dalam bentuk bantuan kewangan apabila berlaku kejadian kecemasan atau masalah kesihatan yang tidak diduga.

3. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk meningkatkan tahap kesedaran golongan isi rumah B40 tentang faedah perlindungan insurans dan takaful kesihatan. Pengalaman menerima perlindungan insurans dan takaful kesihatan secara

langsung boleh bertindak sebagai pemangkin untuk meningkatkan tahap permintaan golongan B40 untuk mendapatkan perkhidmatan yang sama secara persendirian pada masa hadapan.

4. Di bawah Skim mySalam ini, penerima yang layak akan mendapat perlindungan kesihatan secara percuma untuk 36 jenis penyakit kritikal yang merangkumi penyakit kanser, serangan jantung, dan penyakit alzheimer. Penerima akan mendapat bayaran *one-off* sebanyak RM8,000 jika dikenalpasti menghadapi salah satu daripada penyakit kritikal tersebut. Skim ini juga memberi bayaran harian sebanyak RM50 sebagai pendapatan gantian jika penerima menjalani rawatan di mana-mana hospital Kerajaan untuk tempoh maksimum 14 hari setiap tahun yang bersamaan dengan RM700 setahun.

5. Skim mySalam kini telah menjadi realiti dengan usahasama daripada syarikat insurans swasta, Great Eastern Life. Great Eastern telah mencarum sebanyak RM 2 Bilion ke dalam dana permulaan Skim ini, yang merupakan sumbangan tunai oleh pemegang saham insuran asing sebagai alternatif kepada syarat pelupusan lebihan pegangan saham sebanyak 30%, kepada tahap pegangan tidak melebihi 70%, yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pilihan untuk menyumbang ini adalah selaras dengan objektif Kerajaan untuk memberikan tumpuan khusus dan secara langsung kepada golongan B40, agar memanfaatkan jutaan orang dan bukan hanya segelintir kecil sahaja.

6. Dengan saiz dana permulaan sebanyak RM2 bilion, Skim mySalam dijangka akan dapat menawarkan perlindungan perubatan

sekurang-kurangnya 5 tahun untuk golongan sasaran. Penerima yang layak di bawah Skim ini terdiri daripada 3.69 juta individu golongan B40 yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun daripada senarai pihak yang layak menerima Bantuan Sara Hidup.

7. Kerajaan akan menggunakan sumbangan RM 2 bilion ini untuk membayar kadar premium insurans perlindungan sosial sebanyak RM112 untuk setiap individu di bawah Skim ini. Kadar premium ini adalah ditetapkan pada kadar kos dan tanpa keuntungan untuk syarikat insurans.

8. Untuk makluman para hadirin sekalian, perlindungan di bawah Skim ini telah pun bermula pada 1 Januari 2019 dan penerima B40 yang layak boleh membuat tuntutan mulai 1 Mac 2019. Selepas tarikh tersebut, semua penerima B40 yang layak di bawah Skim ini akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) dan perkhidmatan sokongan pelanggan juga akan mula beroperasi. Jika terdapat tuntutan, penerima boleh mengemukakan tuntutan tersebut melalui portal mySalam di atas talian atau di mana-mana pejabat Great Eastern di Malaysia dengan dokumentasi yang lengkap. Setelah tuntutan diluluskan, pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank penerima. Butiran lanjut mengenai proses tuntutan akan diumumkan pada akhir bulan Februari.

9. Skim ini merupakan sebuah contoh inisiatif Kerajaan *PPP* atau *Public Private Partnership* yang tulen untuk meningkatkan tahap kebajikan sosial dan perlindungan kesihatan rakyat Malaysia.

Kerajaan juga yakin bahawa saiz dana di bawah Skim ini akan terus berkembang dengan penglibatan syarikat insurans swasta lain yang beroperasi di Malaysia.

10. Iltizam Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh untuk rakyat Malaysia dibuktikan dengan peruntukan dalam Belanjawan 2019 sebanyak hampir RM29 bilion untuk perkhidmatan kesihatan, iaitu peningkatan sebanyak 7.8% berbanding dengan tahun lepas. Ini termasuk perkhidmatan pencegahan ke rawatan penyembuhan melalui inisiatif-inisiatif seperti Skim Perlindungan Kesihatan (PeKa B40), Produk Perlindungan Tenang, dan juga sekarang Skim mySalam.

11. Sebagai penutup, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat termasuk Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Great Eastern Life Holdings Limited, dan Great Eastern Takaful Berhad dalam merealisasikan Skim mySalam. Dan juga tidak ketinggalan sekali lagi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri sebagai seorang doktor yang amat prihatin terhadap kesihatan rakyat dan negara.

Sekian terima kasih.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

24 Januari 2019